

NO. SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 7846

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapa ramaikah rakyat Malaysia terlibat dalam kumpulan militan Negara Islam dan usia mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 7 Mei 2015, seramai 154 orang rakyat Malaysia terlibat dengan kegiatan kumpulan militan *Islamic State* (IS). Daripada jumlah tersebut, 91 orang telah berjaya ditangkap di Malaysia. Manakala selebihnya seramai 45 orang masih berada di kawasan konflik, 11 orang telah terkorban dan baki 7 orang lagi telah kembali ke Malaysia di mana 6 orang daripadanya telah ditangkap dan seorang lagi masih dijejaki oleh pihak PDRM.

Individu yang terlibat dengan kumpulan militan IS ini adalah terdiri daripada pelbagai peringkat umur iaitu antara 1 tahun hingga 60 tahun. Keadaan ini sangat membimbangkan Kerajaan apabila ianya turut melibatkan kanak-kanak. Sehubungan itu, langkah Kerajaan di dalam menggubal Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 adalah sangat bertepatan kerana selain daripada mengambil tindakan di bawah undang-undang punitif, mereka ini juga boleh diambil tindakan di bawah Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 yang telahpun diluluskan di kedua-dua Dewan Parlimen dan sedang dalam proses bagi mendapatkan perkenan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, undang-undang pencegahan yang baru ini adalah menekankan tentang proses pemulihan dan ini adalah sangat bersesuaian

dengan hasrat Kerajaan untuk memberi peluang supaya mereka pulih dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menasihatkan semua rakyat Malaysia agar menjauhkan diri mereka daripada terlibat dengan sebarang kegiatan yang berkaitan dengan *Islamic State* ini.